

# RAMADHAN MUSLIM GILIK

## GARIS PANDUAN PERTANDINGAN HAFAZAN HADIS

Tema: Barakah Ramadan buat Al-Aqsa Tercinta

### 1. Syarat

- Anda dikehendaki menghafal hadis beserta maksud yang telah disediakan oleh pihak penganjur mengikut kategori umur. Apabila sudah bersedia, rakam diri anda membacakan hadis beserta maksudnya. Anda boleh meminta tolong ibu dan bapa untuk merakam video anda.
- Semasa rakaman dibuat, anda dilarang melihat kepada apa-apa catatan dan dikehendaki untuk memakai penutup mata. Sila pastikan anda memperkenalkan diri sebelum memulakan bacaan iaitu:
  - Nama
  - Umur
- Berikut adalah kategori dan hadisnya untuk pertandingan hafazan hadith.

#### i) Kategori A (5 – 6 tahun)

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى "

"Nabi (ﷺ) bersabda, "Janganlah kamu bersusah payah mengembara (atau bermusafir bagi tujuan ibadah) melainkan pada tiga buah masjid iaitu masjid al-Haram, masjid Rasulullah SAW dan juga masjid al-Aqsa".

Sahih al-Bukhari 1189

#### ii) Kategori B (9 – 7 tahun)

وَعَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ مَسْجِدٍ وُضِعَ فِي الْأَرْضِ أَوَّلُ قَالَ " الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ ". قَالَ , قُلْتُ ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ, " الْمَسْجِدُ الْأَقْصَى ". قُلْتُ كَمْ كَانَ بَيْنَهُمَا؟ قَالَ " أَرْبَعُونَ سَنَةً، ثُمَّ أَيُّنَا أَدْرَكْتَكِ الصَّلَاةَ بَعْدَ فَصْلِهِ، فَإِنَّ الْفَضْلَ فِيهِ ".

Diriwayatkan oleh Abu Dhar: Aku berkata, Wahai Rasulullah! Masjid manakah yang pertama dibangun di permukaan bumi? Beliau menjawab, Al-Masjid-ul-Haram (di Mekah). Aku berkata, Yang mana yang dibangun seterusnya? Baginda menjawab, Masjid Al-Aqsa (di Jerusalem). Aku berkata, Berapa lama tempoh pembinaan di

antara keduanya? Baginda menjawab, Empat puluh tahun. Baginda menambah, Di mana saja (anda berada, dan) waktu solat sudah tiba, laksanakanlah solat di sana, kerana perkara terbaik adalah berbuat demikian (iaitu menunaikan solat pada waktunya).

Sahih al-Bukhari 3366

iii) Kategori C (10 – 12 tahun)

عَنْ ثَوْبَانَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي ظَاهِرِينَ عَلَى الْحَقِّ، لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَدَلَهُمْ، حَتَّى يَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ

"Diceritakan oleh Thauban bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda: Sebahagian daripada umatku akan sentiasa berjaya di jalan yang benar dan terus berjaya (menentang musuh-musuh mereka). Mereka yang meninggalkan mereka tidak akan dapat menyakiti mereka sehingga perintah Allah dilaksanakan (iaitu Qiyamah ditetapkan)".

Sahih Muslim 1920

## 2. Pemarkahan

Video hafazan anda akan dinilai berdasarkan kelancaran hafazan, sebutan huruf, intonasi suara, keyakinan diri dan kreativiti. Para peserta juga boleh memberikan pengajaran hadith sebagai nilai tambah pemarkahan.

## 3. Muatnaik video anda dan daftar:

- Muatnaik video anda menerusi facebook atau Instagram milik anda atau ahli keluarga dengan tanda pagar **#hafazanRMC #Haluanita**.
- Sila pastikan laman Instagram/Facebook yang digunakan berada dalam mod public.
- Sila daftar butiran dan menyertakan link video di dalam ruang yang disediakan dalam borang pendaftaran selewat-lewatnya pada **20 Mac 2024** (Rabu) sebelum jam 4:00 petang.
- Link pendaftaran: <https://www.haluan.org.my/event/ramadan-muslim-cilik-2024/>

## 4. Keputusan

Pemenang akan diumumkan di TVHALUAN pada **30 Mac 2024**. Pihak penganjur akan menghubungi ibubapa/penjaga pemenang bagi urusan penyerahan hadiah.